

**STPM 2016**



---

---

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

**2016**

**PERATURAN DAN SKEMA  
PEPERIKSAAN**

Majlis Peperiksaan Malaysia  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor Darul Ehsan

# PENGENALAN

Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] merupakan badan berkanun persekutuan yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ditadbir oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis" yang keanggotaannya terdiri daripada sembilan belas orang naib canselor universiti awam tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Naib Canselor universiti awam tempatan.

MPM dipertanggungjawabkan untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai peperiksaan tahun 1982. Peperiksaan ini menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/*Higher School Certificate* yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment, United Kingdom. Peperiksaan STPM ini dilaksanakan pada setiap penggal di sepanjang tempoh pengajian yang terdiri daripada tiga penggal. Gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga penggal ini akan menentukan pencapaian keseluruhan dalam pengajian STPM. Sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, MPM juga menitikberatkan soalan berkemahiran berfikir aras tinggi dalam peperiksaan STPM. Peperiksaan STPM ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelajar lepasan STPM seperti yang dimatlamatkan dalam bidang keberhasilan utama peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Di samping mengurus peperiksaan STPM, MPM mengelolakan *Malaysian University English Test* (MUET) mulai tahun 1999. Ujian penguasaan bahasa Inggeris ini wajib diambil oleh pelajar yang ingin mengikuti program ijazah pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Ujian MUET ditadbirkan tiga kali setahun mulai tahun 2012.

Dalam mengelolakan peperiksaan STPM dan MUET, MPM melaksanakan fungsi yang berikut:

- (a) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan;
- (b) menyediakan kertas soalan peperiksaan;
- (c) mendaftarkan calon;
- (d) mentadbirkan peperiksaan;
- (e) menganugerahkan sijil.

Pentadbiran MPM dan pengurusan peperiksaan dijalankan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif yang menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Pentadbir, dan Ketua Pegawai Akademik.

Dalam pengurusan peperiksaan, MPM mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Cambridge Assessment, United Kingdom, dan badan profesional yang berkaitan, serta individu yang mempunyai kepakaran khusus

# PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN

## 1 Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan

1.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut, termasuk lulus Bahasa Melayu\* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), layak menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

- (a) SPM tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
- (b) SPM (Vokasional)
- (c) *Malaysia Certificate of Education (MCE)*
- (d) *Federation of Malaya Certificate of Education*
- (e) *Cambridge School Certificate*
- (f) GCE/SAP (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa\*\* yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
- (g) SPM tahun 2000 hingga tahun 2015 yang diperoleh dalam satu peperiksaan dengan mendapat
  - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
  - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus **empat** mata pelajaran

1.2 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negara yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

---

\* Calon yang memenuhi syarat (g) tetapi gagal Bahasa Melayu boleh menggunakan keputusan lulus Bahasa Melayu yang diambil dalam peperiksaan SPM Ulangan. Calon yang berasal dari luar negara dikecualikan daripada syarat lulus Bahasa Melayu peringkat peperiksaan SPM.

\*\* Kelulusan peringkat biasa GCE/SAP bermakna kepujian pada peringkat SPM/MCE.

## 2 Pendaftaran Masuk Peperiksaan

- 2.1 Pengumuman tentang tarikh pendaftaran dibuka dan tarikh pendaftaran ditutup akan dibuat melalui akhbar tempatan dan Kalendar Peperiksaan STPM Tahun 2016 pada portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) <http://www.mpm.edu.my> pada bulan April 2015.
- 2.2 Calon yang mengambil peperiksaan ini terbahagi kepada lima jenis seperti yang berikut:
- (a) Calon jenis 1, iaitu calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan
  - (b) Calon jenis 2, iaitu calon sekolah swasta
  - (c) Calon jenis 3, iaitu calon persendirian individu
  - (d) Calon jenis 7, iaitu calon sekolah kerajaan negeri
  - (e) Calon jenis 8, iaitu calon sekolah integriti
- 2.3 Semua calon jenis 1, 7, dan 8 dikehendaki mendaftar sekali sahaja, iaitu dalam penggal 1, untuk menduduki peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga penggal. Calon dibenarkan mengambil hingga lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am.
- 2.4 Calon jenis 1,7, dan 8 tidak boleh menukar status jenis calon ke jenis 2 (sekolah swasta) atau jenis 3 (persendirian individu) tanpa kebenaran. Calon mesti menulis surat kepada MPM memaklumkan perkara ini. Disebabkan yuran STPM adalah percuma kepada calon jenis 1, 7, dan 8, maka calon yang ingin menukar status ke jenis 2 atau jenis 3 **MESTI** membayar yuran ke MPM dahulu.
- 2.5 Calon jenis 2 dan 3 boleh mendaftar pada penggal 1 atau penggal 2. Jika calon jenis 2 dan 3 ini membuat pendaftaran pada penggal 2, calon boleh memilih untuk menduduki peperiksaan pada penggal tersebut atau menduduki semua peperiksaan bagi kertas bertulis pada penggal 3. Bagi kertas peperiksaan bertulis pada penggal 1 yang telah berlangsung, calon mesti mendudukinya pada penggal 3 sebagai calon ulangan penggal 1 STPM 2016.
- 2.6 Bayaran yuran\* untuk mengambil peperiksaan ini adalah seperti yang berikut:
- (a) Yuran Asas RM120.00
  - (b) Yuran setiap mata pelajaran RM90.00
  - (c) Caj mengulang peperiksaan bertulis per kertas RM50.00

**Nota:** \* Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan **dikecualikan** daripada membayar yuran STPM. Walau bagaimanapun, semua calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu penggal akan dikenakan caj sebanyak RM50.00 per kertas.

- 2.7 Bagi calon **jenis 2** dan **3**, bayaran yuran STPM hendaklah dijelaskan secara **sekali gus** sama ada calon mendaftar pada penggal 1 persekolahan tingkatan enam bawah atau pada penggal 2 persekolahan tingkatan enam atas. Calon akan mendapat keputusan **W** sekiranya yuran peperiksaan tidak dijelaskan sepenuhnya.
- 2.8 Calon **jenis 2 dan 3** yang mendaftar pada penggal 2 persekolahan tingkatan enam bawah boleh memilih untuk menduduki peperiksaan penggal 2 pada penggal yang berkenaan atau memilih untuk menduduki peperiksaan **sekali gus** bagi semua kertas peperiksaan bertulis pada penggal 3.
- 2.9 Calon yang mendaftar STPM 2015 selepas keputusan peperiksaan STPM 2014 diumumkan bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2014 juga dikehendaki menjelaskan bayaran yuran STPM secara sekali gus. Calon ini akan dikehendaki menduduki semua kertas peperiksaan bertulis pada penggal 3. Bagi pelaksanaan Kerja Kursus calon, sila rujuk perkara pada para 3.5.
- 2.10 Pendaftaran masuk peperiksaan bagi **semua jenis calon** hendaklah dibuat secara dalam talian. Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon dikehendaki melayari portal MPM <http://www.mpm.edu.my> bagi tujuan pendaftaran.
- 2.11 Bagi calon jenis 2, Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil oleh calon sekolahnya dengan membeli nombor PIN MEC (nombor PIN *Malaysian Examinations Council*) bagi setiap calon daripada Bank Simpanan Nasional (BSN). Caj perkhidmatan BSN sebanyak RM1.00 akan dikenakan bagi setiap pembelian PIN MEC. Calon dinasihatkan merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 22-27 sebelum membeli PIN MEC. Calon boleh membeli PIN MEC tersebut melalui dua cara seperti berikut:
- (a) Pembelian di kaunter BSN secara tunai
  - (b) Pembelian PIN MEC secara pukal di kaunter BSN dengan menggunakan cek (bagi calon sekolah swasta sahaja)
- 2.12 Bagi calon jenis 3, calon dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil dengan membeli PIN MEC di kaunter BSN. Caj perkhidmatan BSN sebanyak RM1.00 akan dikenakan bagi setiap PIN MEC.

- 2.13 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM hanya dibuka pada penggal 1 dan penggal 2 sahaja (sila rujuk Kalendar Peperiksaan STPM di portal MPM). PIN MEC yang dibeli (merangkumi pendaftaran STPM untuk penggal 1, penggal 2, dan penggal 3) hanya boleh digunakan untuk membuat pembayaran peperiksaan STPM pada penggal **tahun semasa sahaja** (PIN MEC yang dibeli untuk pendaftaran STPM pada penggal 1 akan tamat tempohnya pada tarikh tutup pendaftaran penggal 1. Calon yang akan mendaftar STPM pada penggal 2 hendaklah membeli PIN MEC pada penggal 2).
- 2.14 Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon yang ingin membeli PIN MEC di BSN hendaklah mengemukakan **nombor pengenalan diri calon** sama ada nombor kad pengenalan baharu/lama, nombor sijil lahir, nombor kad pengenalan polis/tentera, atau nombor pasport.
- 2.15 Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon diingatkan bahawa sebarang pindaan atau pembetulan maklumat hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya 2 minggu** selepas tarikh Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) dimuatnaik melalui portal MPM. Caj **RM50.00** akan dikenakan jika pembetulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut.
- 2.16 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, iaitu telah **melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh LPKC dimuatnaik** melalui portal MPM, Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembetulannya di dalam Buku Rekod Pengawasan. Walau bagaimanapun MPM hanya akan membuat pembetulan tersebut selepas calon menjelaskan bayaran RM50.00 bagi pembetulan maklumat.
- 2.17 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran** (STPM/PP).
- 2.18 Jika calon telah mendaftar bagi sesuatu mata pelajaran dan ingin menukar mata pelajaran itu dengan mata pelajaran yang lain selepas tamat tempoh pendaftaran, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat sebulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu penggal yang berkenaan. Pertukaran mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada penggal calon membuat pendaftaran sahaja**.
- 2.19 Jika calon ingin menambah mata pelajaran (calon dibenarkan mengambil maksimum lima mata pelajaran sahaja) selepas tarikh pendaftaran ditutup, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan di samping caj bagi mata pelajaran yang ditambah, iaitu sebanyak **RM90.00** per mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran juga hanya boleh dibuat **pada penggal calon membuat pendaftaran sahaja**.

- 2.20 Calon jenis 1, 7, dan 8 yang berhasrat untuk menambah mata pelajaran dinasihatkan untuk menambah mata pelajaran yang ada ditawarkan di sekolah/institusi masing-masing bagi mengelakkan kesulitan dalam pelaksanaan Kerja Kursus calon itu sendiri atau memilih mata pelajaran yang mempunyai kertas peperiksaan alternatif bertulis sebagai mata pelajaran tambahan.
- 2.21 **Penambahan** mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat sebulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu penggal yang berkenaan. Permohonan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.
- 2.22 Calon yang mendaftar STPM 2016 selepas tarikh keputusan STPM 2015 diumumkan atau calon yang mendaftar lewat kerana gagal memasuki IPTA **tidak dibenarkan** untuk menukar atau menambah mata pelajaran **yang telah didaftarkan**.
- 2.23 Bagi calon yang ingin menggugurkan sesuatu mata pelajaran, bayaran bagi mata pelajaran yang digugurkan itu **tidak** akan dikembalikan. Calon **tidak** dibenarkan untuk menggugurkan mata pelajaran sekiranya peperiksaan bagi salah satu kertas untuk mata pelajaran tersebut telah diadakan.
- 2.24 Calon jenis 1, 2, 7, dan 8 yang ingin menukar/menambah/menggugurkan mata pelajaran hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan memberi salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Penilaian dan Peperiksaan) dan Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Penilaian dan Peperiksaan). Borang tukar/tambah/gugur mata pelajaran boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.
- 2.25 Calon mesti menduduki kesemua kertas yang telah didaftarkan pada setiap penggal. Sekiranya calon **tidak menduduki salah satu** kertas pada penggal yang berkenaan, keputusan **X** akan dikeluarkan pada kertas dan mata pelajaran tersebut.
- 2.26 Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM mereka dengan melayari portal MPM melalui semakan pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) atau melalui sistem mesej singkat (SMS) dengan menaip **INFOSTPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan menghantarnya ke **15888**. Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap penggal calon menduduki peperiksaan.

- 2.27 Calon jenis 2 dan 3 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap penggal** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, 7, dan 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Namun demikian, bagi calon jenis 1, 7, dan 8, calon tidak perlu mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan tetapi memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.
- 2.28 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC dengan kadar **SEGERA**.

### 3 Pendaftaran Lewat

- 3.1 Pendaftaran lewat hanya dibenarkan kepada calon yang gagal memasuki UA.
- 3.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke UA dikeluarkan. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis berserta dengan bayaran pendaftaran dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia terus ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dengan kadar **SEGERA**.
- 3.3 Calon yang **mendaftar lewat** bagi kes ini hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga penggal **sekali gus pada penggal 3**.
- 3.4 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan Kerja Kursus mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman halaman 22-27). Tarikh penghantaran Kerja Kursus bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM kemudian.
- 3.5 Calon yang mendaftar lewat sebagai calon jenis 2 atau 3 dikehendaki untuk menduduki peperiksaan kertas **alternatif bertulis** yang menggantikan Kerja Kursus tersebut (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman halaman 22-27). Namun demikian, sekiranya tidak terdapat kertas peperiksaan bertulis alternatif yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:



- (a) Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan Kerja Kursus, maka markah Kerja Kursus yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor Kerja Kursus tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
  - (b) Jika memilih untuk melaksanakan Kerja Kursus yang baharu pada tahun mengulang, maka markah Kerja Kursus yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM sebelumnya.
- 3.6 Bagi calon jenis 2 dan 3 yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding mata pelajaran tahun lepas dan tiada markah Kerja Kursus tahun sebelumnya, calon juga dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus, calon dikehendaki melaksanakan Kerja Kursus (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman halaman 22-27).
- 3.7 Calon hendaklah merujuk kepada sukatan pelajaran peperiksaan STPM untuk mendapatkan maklumat tentang kerja kursus. Manual Kerja Kursus boleh dirujuk pada portal MPM.

#### **4 Pusat Peperiksaan**

Senarai pusat peperiksaan bagi sesebuah negeri akan ditentukan oleh Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) yang berkenaan. Semasa mendaftar, calon hendaklah memilih pusat peperiksaan di mana calon bercadang hendak mengambil peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) berhak menetapkan/memindahkan pusat peperiksaan di bandar pilihan calon atau di bandar yang berhampiran.

#### **5 Jadual Waktu Peperiksaan**

- 5.1 Peperiksaan bertulis akan diadakan pada setiap akhir penggal, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab (ULBA) akan diadakan pada penggal 3 dan peperiksaan kertas melukis bagi Seni Visual akan diadakan pada penggal 2.
- 5.2 Jadual waktu peperiksaan bertulis STPM untuk penggal 1, penggal 2, dan penggal 3 boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran penggal 1 dibuka. Jadual waktu peperiksaan ulangan 1, ulangan 2, dan ulangan 3 boleh dirujuk pada portal MPM pada tarikh pendaftaran ulangan 1 dibuka.

- 5.3 Masa yang diperuntukkan kepada tiap-tiap kertas soalan akan dinyatakan dalam sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan dan dalam jadual waktu peperiksaan. Masa untuk membaca soalan adalah termasuk dalam masa yang dinyatakan bagi setiap kertas dalam jadual waktu peperiksaan.
- 5.4 Kertas yang terlibat dengan pertembungan perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama. Calon yang terlibat dengan pertembungan masa peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Ketua Pengawas akan memaklumkan calon tentang waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu.
- 5.5 Calon tidak dibenarkan membawa masuk jadual waktu peperiksaan ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

## 6 Perpindahan Pusat Peperiksaan

- 6.1 Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah dikemukakan tidak lewat dari **4 minggu** sebelum hari pertama peperiksaan bagi sesuatu penggal bermula. **Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.**
- 6.2 Perpindahan calon dari satu pusat ke satu pusat yang lain hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah, dan bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap calon jika **permohonan dibuat selepas pendaftaran ditutup** bagi sesuatu penggal.
- 6.3 Calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dinasihatkan memilih sekolah yang mempunyai mata pelajaran yang sama dengan yang telah didaftarkan bagi memudahkan pengendalian Kerja Kursus calon.
- 6.4 Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaannya mestilah menduduki peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran yang baharu.
- 6.5 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan boleh menyemak status permohonan mereka melalui portal MPM.

## 7 Penarikan Diri daripada Peperiksaan

- 7.1 Calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya.
- 7.2 Yuran peperiksaan hanya akan dikembalikan bagi kes yang berikut:

- (a) Calon yang sakit berpanjangan dan dapat mengemukakan surat pengesahan tentang penyakitnya oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.
- (b) Calon yang meninggal dunia (salinan surat perakuan kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau wakilnya).
- (c) Calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki IPTA atau IPTS (salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan oleh calon).

7.3 Jumlah yuran yang akan dikembalikan dalam perkara 7.2 di atas akan ditentukan oleh MPM.

## 8 Penangguhan Peperiksaan

- 8.1 Calon yang ingin menangguhkan peperiksaan pada mana-mana penggal hendaklah mengemukakan permohonannya **secara bertulis** dengan memberikan sebab yang munasabah dan menyertakan bukti kepada MPM **sebulan sebelum tarikh peperiksaan** tersebut bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- 8.2 Calon yang diluluskan untuk menangguhkan peperiksaan pada penggal 1 atau penggal 2 hendaklah menduduki peperiksaan ulangan 1 atau ulangan 2 pada peperiksaan STPM dalam penggal 3 tahun yang sama.

## 9 Penyakit Berjangkit / Pengsan

- 9.1 Calon yang menghidap sebarang penyakit berjangkit biasanya tidak dibenarkan mengambil peperiksaan. Jika dibenarkan, calon akan mengambil peperiksaan di bilik yang berasingan. MPM hendaklah diberi maklum akan perkara ini dengan segera.
- 9.2 Calon yang pengsan melebihi 15 minit dan telah dibawa ke hospital, lalu sedar **tidak dibenarkan** menyambung semula peperiksaannya di hospital. Bagi kes seperti ini, Ketua Pengawas hendaklah mengisi borang MPM/P10 dalam tempoh 7 hari dan hendaklah dihantar ke MPM secara berasingan untuk perhatian Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET. Skrip jawapan calon berkenaan sama ada telah dijawab penuh atau tidak, hendaklah dibungkus bersama dengan skrip jawapan calon lain dan dihantar ke alamat yang telah ditetapkan.

## 10 Calon Kes Istimewa

- 10.1 Bagi kes istimewa atau calon yang kurang upaya (buta, rabun, spastik, autisme, sengau, bisu, pekak, dan lain-lain) permohonan awal diperlukan supaya penyiataan dapat dibuat dan persediaan khas dapat diadakan bagi calon berkenaan. Pengetua sekolah/calon persendirian individu dikehendaki mengemukakan permohonan berserta dengan dokumen sokongan kepada MPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) **selewat-lewatnya satu minggu** selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 10.2 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas untuk diberikan kepada seseorang calon sekolah yang prestasi peperiksaannya mungkin terjejas oleh sesuatu penyakit yang baharu dihidapnya atau kejadian malang yang menimpa dirinya. Permohonan boleh dibuat secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan kepada MPM **selewat-lewatnya sehari** selepas tarikh akhir peperiksaan bertulis.
- 10.3 Pengetua sekolah/Ketua Pengawas boleh memohon untuk mendapatkan jurutulis bagi calon yang tidak dapat menulis sendiri akibat kecederaan dan sebagainya. Bagi calon yang menggunakan perkhidmatan jurutulis, skrip jawapan calon perlu dihantar bersama CD rakaman jawapan calon. Jabatan Pendidikan Negeri (unit Peperiksaan dan Penilaian) perlu memaklumkan kepada MPM dengan kadar **SEGERA** secara bertulis beserta dengan bukti dokumen sokongan tentang perkara ini.

## 11 Bahan yang Dibawa oleh Calon

- 11.1 Calon dikehendaki membawa Kad Pengenalan/Mykad atau dokumen pengenalan diri yang bergambar yang lain semasa menghadiri setiap sesi peperiksaan.
- 11.2 Calon hendaklah membawa alat tulis, alat matematik, dan alat lukisan mereka sendiri. Mereka dikehendaki menulis jawapan dengan **pena mata bulat** berdakwat **hitam** atau **biru** sahaja. Penggunaan dakwat merah tidak dibenarkan, tetapi pensel dan dakwat warna lain boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Penggunaan sebarang jenis pemadam tidak digalakkan. Bagi ujian kertas aneka pilihan, calon hendaklah membawa pensel **2B** atau **BB** dan getah pemadam.
- 11.3 *Flexicurve* boleh digunakan bagi mana-mana kertas yang memerlukan lukisan bergraf.

11.4 Kalkulator elektronik yang senyap dan tidak boleh diprogram sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu tidak membenarkan penggunaannya. Pusat peperiksaan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan punca kuasa bagi kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut seperti manual pengguna **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

## 12 Perhatian untuk Calon

Calon diminta mengambil perhatian tentang perkara yang berikut:

- (a) Calon **tidak** boleh membawa masuk alat seperti telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- (b) Calon **tidak** boleh menghantar skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan selepas keluar daripada dewan peperiksaan/selepas tamat peperiksaan dengan apa juga alasan. Ketua Pengawas tidak akan menerima skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan tersebut.
- (c) Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** sekiranya
  - (i) calon telah diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** diambil olehnya, atau
  - (ii) calon telah diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi sesi peperiksaan berkenaan.
- (d) Calon **tidak** dibenarkan melipat kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, calon diminta menyerahkan semula kertas tulis itu kepada Pengawas.
- (e) Calon **tidak** dibenarkan membawa keluar kertas tulis sama ada yang telah atau yang belum digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
- (f) Calon **tidak** dibenarkan merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan/kawasan sekolah.
- (g) Calon dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai serta sentiasa mengikut tatatertib di dalam dewan/ bilik peperiksaan.

## 13 Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon

13.1 Selaras dengan Akta MPM, calon diberi amaran oleh MPM supaya:

- (a) **Jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;

- (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
- (c) **Jangan** melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas, atau Pengawas;
- (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **Jangan** bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **Jangan** mewakilkan orang lain menduduki peperiksaan ini untuk diri calon;
- (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini.

13.2 Jika calon melanggar mana-mana amaran pada para 13.1 di atas sama ada dengan cara disedari atau tidak disedari, calon akan didakwa di bawah kaedah 3 dan 4, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku, 1986).

13.3 Jika MPM berpuas hati bahawa seseorang calon telah melanggar arahan dan amaran bagi peperiksaan ini atau terlibat dalam sebarang perbuatan luar biasa, biadab atau melakukan sebarang perbuatan tidak jujur yang bersabit dengan peperiksaan ini, MPM berhak menyingkirkan calon berkenaan daripada peperiksaan ini dan tidak membenarkannya meneruskan peperiksaan ini, membatalkan keputusannya bagi mana-mana kertas atau mata pelajaran atau membatalkan keputusannya bagi seluruh peperiksaan ini, dan tidak membenarkan calon mendaftarkan diri sebagai calon untuk peperiksaan STPM bagi suatu tempoh yang difikirkan patut oleh MPM.

13.4 Jika MPM berpuas hati bahawa sesuatu perbuatan salah laku atau perbuatan melanggar arahan atau amaran bagi peperiksaan ini telah berlaku dengan meluas di sesuatu pusat peperiksaan, atau keadaan pada masa peperiksaan itu dijalankan tidak memuaskan, maka MPM berhak membatalkan seluruh peperiksaan di pusat berkenaan atau membatalkan peperiksaan bagi satu mata pelajaran atau lebih di pusat peperiksaan berkenaan.

13.5 Calon yang disabitkan bersalah dalam kes salah laku **tidak** akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi penggal yang berkenaan.

## 14 Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan

14.1 Keputusan bagi ketiga-tiga penggal yang menunjukkan gred kertas akan dimuat naik ke portal MPM mengikut penggal. Calon boleh mencetak slip keputusan masing-masing daripada portal MPM. Keputusan ini boleh juga disemak melalui SMS. Untuk menghantar SMS, taip **STPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan hantar ke **15888**.

- 14.2 Keputusan keseluruhan peperiksaan bagi semua penggal yang digabungkan yang menunjukkan gred kertas, gred mata pelajaran, dan nilai gred mata pelajaran akan dikeluarkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan STPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) dalam bentuk slip keputusan STPM. Slip keputusan ini **bukan** sijil (rujuk para 18 pada halaman 17). Calon boleh juga menyemak keputusan STPM masing-masing melalui portal MPM dan SMS.
- 14.3 Gred kertas dan gred mata pelajaran ditunjukkan dengan gred A hingga F, dengan gred A sebagai gred yang tertinggi, dan gred F sebagai gred gagal. Setiap gred mata pelajaran diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP).
- 14.4 Gred kertas, gred mata pelajaran, dan NGMP yang akan dinyatakan dalam slip keputusan adalah seperti dalam jadual yang berikut:

<b>GRED KERTAS</b>	<b>GRED MATA PELAJARAN</b>	<b>NGMP</b>	<b>TAHAP PENCAPAIAN</b>
A	A	4.00	Lulus Penuh
A-	A-	3.67	Lulus Penuh
B+	B+	3.33	Lulus Penuh
B	B	3.00	Lulus Penuh
B-	B-	2.67	Lulus Penuh
C+	C+	2.33	Lulus Penuh
C	C	2.00	Lulus Penuh
C-	C-	1.67	Lulus Sebahagian
D+	D+	1.33	Lulus Sebahagian
D	D	1.00	Lulus Sebahagian
F	F	0.00	Gagal

- 14.5 Bagi gred mata pelajaran, gred C hingga A yang diberi nilai 2.00 hingga 4.00 ialah gred lulus penuh, manakala gred D hingga C- yang diberi nilai 1.00 hingga 1.67 ialah gred lulus sebahagian, dan gred F yang diberi nilai 0.00 ialah gred gagal. **NGMP ditentukan berdasarkan wajaran setiap kertas dan jumlah markah bagi mata pelajaran berkenaan.**
- 14.6 Pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) adalah berdasarkan purata **empat** mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am (tertakluk kepada kaedah yang digunapakai oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Kementerian Pendidikan Malaysia). PNGK tidak akan tertera sekiranya calon tidak menduduki sekurang kurangnya 4 mata pelajaran termasuk Pengajian Am.

- 14.7 Calon akan mendapat keputusan keseluruhan X dalam sesuatu mata pelajaran bagi kes yang berikut:
- (a) tidak hadir menduduki peperiksaan bertulis dalam mana-mana kertas
  - (b) tidak menghantar Kerja Kursus (tiada markah Kerja Kursus)
- 14.8 Calon yang disabitkan bersalah dalam kes salah laku calon, keputusan mata pelajaran atau kertas yang terlibat akan dibatalkan. Calon akan diberi kod **Z**.
- 14.9 MPM berhak meminda maklumat pada slip keputusan yang dikirimkan kepada calon sebelum pengeluaran sijil.
- 14.10 Calon yang sabit dengan kes salah laku dalam mana-mana penggal, tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan bagi penggal tersebut. Kertas yang sabit dengan kes salah laku pada mana-mana penggal, akan menyebabkan gred matapelajaran tersebut dibatalkan (Kod Z). Sekiranya, calon sabit dengan kes salah laku dalam mana-mana ulangan penggal juga, akan mendapat hukuman yang sama.
- 14.11 Penerangan berkaitan dengan kod yang mungkin akan tercetak pada slip keputusan calon mengikut kes adalah seperti yang berikut:

<b>Kod</b>	<b>Penerangan Kes Calon</b>
W	Calon tidak menjelaskan bayaran yuran pendaftaran/bayaran sebagai calon bantaran/bayaran pindah/tumpang pusat/caj pembetulan maklumat.
X	Keputusan calon tidak lengkap/calon tidak hadir menduduki peperiksaan.
Y	Keputusan calon ditahan disebabkan siasatan kes salah laku.
Z	Keputusan kertas/mata pelajaran calon dibatalkan kerana calon sabit kes salah laku.



## 15 Kerja Kursus

- 15.1 Kerja Kursus merupakan komponen yang **wajib** diambil oleh setiap calon. Kegagalan calon menjalankan Kerja Kursus atau menghantar Kerja Kursus pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan calon mendapat keputusan **X** pada kertas dan mata pelajaran tersebut.
- 15.2 Kerja Kursus STPM terdiri daripada **tiga** bentuk kerja kursus, iaitu kertas projek, kajian lapangan, dan amali sains. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam Kerja Kursus adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 15.3 Manual Kerja Kursus bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada penggal yang menawarkan Kerja Kursus.
- 15.4 Soalan Kerja Kursus boleh dimuat turun pada penggal yang menawarkan Kerja Kursus melalui portal MPM.
- 15.5 Bagi calon yang **mengambil mata pelajaran baharu** berbanding tahun lepas dan tiada markah Kerja Kursus tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus, calon dikehendaki melaksanakan Kerja Kursus (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 22-27).

## 16 Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan (Peperiksaan Ulangan)

- 16.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu penggal untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian pada penggal yang berikutnya.
- 16.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis penggal 1 dan/atau peperiksaan bertulis penggal 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **penggal 3 sahaja**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi penggal yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 16.3 Keputusan peperiksaan yang terbaik (skor tertinggi) akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan kali kedua.
- 16.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu penggal akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas. Calon hendaklah membeli PIN MEC untuk mendaftar peperiksaan ulangan.
- 16.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi Kerja Kursus dan juga peperiksaan kertas bertulis alternatif yang menggantikan Kerja Kursus.

- 16.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan penggal dengan **alasan yang tidak munasabah** tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan ulangan. Ini kerana peperiksaan STPM merupakan peperiksaan awam yang diiktiraf.
- 16.7 Calon **tidak** dibenarkan menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**
- 16.8 Calon yang ingin mendaftar peperiksaan ulangan selepas tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.

## 17 Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Penggal

- 17.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan penggal sama ada oleh calon sekolah atau calon persendirian individu hendaklah dikemukakan terus ke MPM dengan melengkapkan borang Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan STPM yang boleh dimuat turun dan dicetak dari portal MPM. Maklumat lanjut berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 17.2 Rayuan penyemakan semula keputusan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- 17.3 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis, Kerja Kursus, dan kertas peperiksaan ulangan**.
- 17.4 Cara penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah seperti yang berikut:
  - (a) Menyemak penghitungan markah dan ketepatan gred yang diberikan bagi sesuatu kertas dan mata pelajaran
  - (b) Memeriksa semula skrip jawapan calon
- 17.5 Keputusan penyemakan semula akan dimaklumkan kepada calon melalui portal MPM.
- 17.6 Keputusan penyemakan semula yang dibuat oleh MPM adalah muktamad.

## 18 Sijil

- 18.1 Sijil akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 14.4 pada halaman 14). Semua sijil akan dikeluarkan melalui Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) selewat-lewatnya pada bulan Julai 2017.
- 18.2 Calon sekolah kerajaan hendaklah mengambil sijil mereka di sekolah masing-masing.

- 18.3 Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu hendaklah mengambil sijil mereka di Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) masing-masing.
- 18.4 Calon diberi tempoh 12 bulan selepas sijil dihantar kepada Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) untuk mengambil sijil mereka. Selepas tempoh tersebut, pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan) akan mengembalikan sijil yang tidak dituntut ke MPM. Calon yang ingin mendapatkan sijil selepas tempoh tersebut hendaklah berurusan terus dengan MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang/wang pos atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 18.5 Sijil STPM hanya dikeluarkan **sekali sahaja** bagi tahun peperiksaan berkenaan, iaitu selepas calon selesai menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga penggal. Calon yang kehilangan sijil hanya boleh memohon untuk mendapatkan penyata keputusan atau salinan sijil. Permohonan ini hendaklah disertai maklumat tentang calon, seperti nama penuh, nama sekolah (jika ada), tahun peperiksaan diambil, nama pusat peperiksaan, nombor kad pengenalan, dan angka giliran.
- Caj sebanyak **RM20.00** bagi satu penyata keputusan akan dikenakan bagi permohonan kali pertama, **RM30.00** bagi permohonan kali kedua, dan **RM50.00** bagi permohonan kali ketiga dan seterusnya. Bagi **salinan sijil**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap permohonan. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang/wang pos atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.
- 18.6 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan bahan yang berikut:
- (a) Surat permohonan transkrip sijil yang menyatakan alamat universiti luar negara yang dipohon
  - (b) Salinan slip keputusan atau salinan sijil
  - (c) Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM50.00** bagi setiap transkrip yang dibuat secara kiriman wang/wang pos atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**
- 18.7 Transkrip Sijil STPM dalam versi Bahasa Inggeris tersebut akan dihantar terus oleh MPM kepada universiti/institusi yang berkenaan. Salinan transkrip dan salinan surat tentang penghantaran transkrip kepada universiti berkenaan akan dihantar kepada calon.
- 18.8 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.

## 19 Laporan Peperiksaan

Laporan peperiksaan yang memberikan ulasan tentang jawapan calon dalam peperiksaan STPM akan dikeluarkan pada tahun berikutnya. Laporan ini akan dimuat naik ke portal MPM.

## 20 Hasil Kerja Calon

- 20.1 Skrip jawapan calon dan hasil kerja calon dalam sebarang bentuk untuk peperiksaan ini akan menjadi hak milik MPM.
- 20.2 Markah yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM diperingkatkan sebagai SULIT.

## 21 Pemilihan Mata Pelajaran

- 21.1 Calon hendaklah mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.
- 21.2 Calon dibenarkan mengambil maksima **lima** mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Calon dinasihatkan agar mengambil mata pelajaran Pengajian Am berserta mata pelajaran pilihan lain kerana pemilihan kemasukan ke IPTA akan mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- 21.3 Calon tidak boleh mengambil kombinasi mata pelajaran atau kertas yang tidak dibenarkan oleh sukatan pelajaran peperiksaan.
- 21.4 Permohonan untuk mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan oleh sekolah yang dikemukakan selepas peperiksaan penggal 1 berlangsung atau pada penggal 2 tidak akan dilayan. Sekiranya MPM menerima permohonan yang sedemikian sedangkan calon telah pun menduduki peperiksaan bagi kertas yang dipohon, maka keputusan peperiksaan calon bagi kertas yang tersebut akan dibatalkan (walaupun calon menduduki peperiksaan secara bantahan).
- 21.5 Calon jenis 1, 7, dan 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas peperiksaan alternatif bertulis** yang menggantikan kerja kursus. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada JPN berkenaan perkara ini. Pendaftaran calon yang ingin mengambil mata pelajaran yang tidak ditawarkan di sekolah/institusi hendaklah dihantar terus oleh Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) sebelum tarikh tutup pendaftaran penggal 1 dan salinan ke JPN. Sekolah tidak dibenarkan meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga mendapat kelulusan MPM.

21.6 Sekiranya 21.5 tidak dapat diurus oleh sekolah atau mata pelajaran yang ingin diambil tidak ditawarkan oleh sekolah, calon dinasihatkan untuk berpindah ke sekolah yang menawarkan mata pelajaran tersebut. Perpindahan tersebut adalah tanggungjawab calon.

## 22 Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran

22.1 Sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2016 seperti yang disenaraikan di bawah ini:

<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Mata Pelajaran</b>
1	900	Pengajian Am
2	910	Bahasa Melayu
3	911	Bahasa Cina
4	912	Bahasa Tamil
5	913	Bahasa Arab
6	920	Literature in English
7	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8	930	Syariah
9	931	Usuluddin
10	940	Sejarah
11	942	Geografi
12	944	Ekonomi
13	946	Pengajian Perniagaan
14	948	Perakaunan
15	950	<i>Mathematics (M)</i>
16	954	<i>Mathematics (T)</i>
17	958	<i>Information and Communications Technology</i>
18	960	<i>Physics</i>
19	962	<i>Chemistry</i>
20	964	<i>Biology</i>
21	966	Sains Sukan
22	970	Seni Visual

22.2 Sukatan pelajaran bagi mata pelajaran peperiksaan STPM boleh dimuat turun daripada portal MPM.

**Perhatian:**

- (i) Calon yang mengambil kurang daripada lima mata pelajaran dalam peperiksaan STPM dinasihati supaya mengambil mata pelajaran Pengajian Am kerana pemilihan masuk ke UA mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- (ii) Calon yang memohon masuk ke UA menggunakan keputusan STPM perlu menduduki *Malaysian University English Test* (MUET).
- (iii) MUET dijalankan **tiga** kali setahun.
- (iv) Maklumat tentang MUET dapat diperolehi dalam buku ***MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) – Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions***, dan melalui portal MPM.

## SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS

Berikut ialah senarai mata pelajaran dan kertas yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2016.

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
1	900	Pengajian Am	900/1	Pengajian Am 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			900/2	Pengajian Am 2	22	1½ jam	
			900/3	Pengajian Am 3	29	2 jam	
			900/4	Pengajian Am 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
2	910	Bahasa Melayu	910/1	Bahasa Melayu 1	33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			910/2	Bahasa Melayu 2	20	1½ jam	
			910/3	Bahasa Melayu 3	22	1½ jam	
			910/4	Bahasa Melayu 4 (Kerja Kursus)	8	Penggal 2	
			910/5	Bahasa Melayu 5 (Kerja Kursus)	17	Penggal 3	
3	911	Bahasa Cina	911/1	Bahasa Cina 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			911/2	Bahasa Cina 2	33.33	2 jam	
			911/3	Bahasa Cina 3	33.33	2 jam	
4	912	Bahasa Tamil	912/1	Bahasa Tamil 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			912/2	Bahasa Tamil 2	33.33	2 jam	
			912/3	Bahasa Tamil 3	33.33	2 jam	
5	913	Bahasa Arab	913/1	Bahasa Arab 1	28	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			913/2	Bahasa Arab 2	28	2 jam	
			913/3	Bahasa Arab 3	20	1½ jam	
			913/4	Bahasa Arab 4 (Ujian Lisan)	12	15 minit	
			913/5	Bahasa Arab 5 (Kerja Kursus)	12	Penggal 3	
6	920	Literature in English	920/1	Literature in English 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			920/2	Literature in English 2	33.33	2 jam	
			920/3	Literature in English 3	33.33	2 jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
7	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	922/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			922/2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2	26.67	2 jam	
			922/3	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 3	26.67	2 jam	
			922/4	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2 hingga 3	
8	930	Syariah	930/1	Syariah 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			930/2	Syariah 2	26.67	2 jam	
			930/3	Syariah 3	26.67	2 jam	
			930/4	Syariah 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
9	931	Usuluddin	931/1	Usuluddin 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			931/2	Usuluddin 2	26.67	2 jam	
			931/3	Usuluddin 3	26.67	2 jam	
			931/4	Usuluddin 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	
10	940	Sejarah	940/1	Sejarah 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			940/2	Sejarah 2	22	1½ jam	
			940/3	Sejarah 3	29	2 jam	
			940/4	Sejarah 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 2	
11	942	Geografi	942/1	Geografi 1	32	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Geografi di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 5.
			942/2	Geografi 2	32	2 jam	
			942/3	Geografi 3	16	1 jam	
			942/4	Geografi 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	
			942/5	Geografi 5	20	1¼ jam	



Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
12	944	Ekonomi	944/1	Ekonomi 1	32	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			944/2	Ekonomi 2	32	2 jam	
			944/3	Ekonomi 3	16	1 jam	
			944/4	Ekonomi 4 (Kerja Kursus)	20	Penggal 3	
13	946	Pengajian Perniagaan	946/1	Pengajian Perniagaan 1	25	1¾ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			946/2	Pengajian Perniagaan 2	25	1¾ jam	
			946/3	Pengajian Perniagaan 3	25	1¾ jam	
			946/4	Pengajian Perniagaan 4 (Kerja Kursus)	25	Penggal 3	
14	948	Perakaunan	948/1	Perakaunan 1	33.33	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon mengulang peperiksaan STPM dan calon yang mengambil Perakaunan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5. Sekiranya calon jenis 2 berminat untuk mengambil Kertas 4, pihak sekolah perlu menyediakan fasiliti dan mengemukakan permohonan ke Majlis Peperiksaan Malaysia untuk kelulusan.
			948/2	Perakaunan 2	33.33	2 jam	
			948/3	Perakaunan 3	16.67	1 jam	
			948/4	Perakaunan 4 (Kerja Kursus)	16.67	Penggal 3	
			948/5	Perakaunan 5	16.67	1¼ jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
15	950	<i>Mathematics (M)</i>	950/1	Mathematics (M) 1	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (M)</i> <b>tidak</b> boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (T)</i> atau Further Mathematics.
			950/2	Mathematics (M) 2	26.67	1½ jam	
			950/3	Mathematics (M) 3	26.67	1½ jam	
			950/4	Mathematics (M) 4 ( <i>Course Work</i> )	20	Penggal 1, 2, dan 3	
16	954	<i>Mathematics (T)</i>	954/1	Mathematics (T) 1	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (T)</i> <b>tidak</b> boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (M)</i> .
			954/2	Mathematics (T) 2	26.67	1½ jam	
			954/3	Mathematics (T) 3	26.67	1½ jam	
			954/4	Mathematics (T) 4 ( <i>Course Work</i> )	20	Penggal 1, 2, dan 3	
17	958	<i>Information and Communications Technology</i>	958/1	Information and Communications Technology 1	20	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini.
			958/2	Information and Communications Technology 2	20	1½ jam	
			958/3	Information and Communications Technology 3	20	1½ jam	
			958/4	Information and Communications Technology 4 ( <i>Course Work</i> )	40	Penggal 1, 2, dan 3	
18	960	<i>Physics</i>	960/1	Physics 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil <i>Physics</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			960/2	Physics 2	26.67	1½ jam	
			960/3	Physics 3	26.67	1½ jam	
			960/4	Physics 4 ( <i>Course Work</i> )	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			960/5	Physics 5	20	1½ jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
19	962	<i>Chemistry</i>	962/1	Chemistry 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil Chemistry di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			962/2	Chemistry 2	26.67	1½ jam	
			962/3	Chemistry 3	26.67	1½ jam	
			962/4	Chemistry 4 ( <i>Course Work</i> )	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			962/5	Chemistry 5	20	1½ jam	
20	964	<i>Biology</i>	964/1	Biology 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil Biology di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			964/2	Biology 2	26.67	1½ jam	
			964/3	Biology 3	26.67	1½ jam	
			964/4	Biology 4 ( <i>Course Work</i> )	20	Penggal 1, 2, dan 3	
			964/5	Biology 5	20	1½ jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
21	966	Sains Sukan	966/1	Sains Sukan 1	25	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1, 7, dan 8 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, calon mengulang peperiksaan STPM, dan calon yang mengambil Sains Sukan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			966/2	Sains Sukan 2	25	1½ jam	
			966/3	Sains Sukan 3	25	1½ jam	
			966/4	Sains Sukan 4 ( <i>Course Work</i> )	25	Penggal 1, 2, dan 3	
			966/5	Sains Sukan 5	25	2 jam	
22	970	Seni Visual	970/1	Seni Visual 1	40	2 jam	Kertas 1 dan Kertas 2 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 3. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Seni Visual di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 4.
			970/2	Seni Visual 2	35	3 jam	
			970/3	Seni Visual 3 (Kerja Kursus)	25	Penggal 3	
			970/4	Seni Visual 4	25	3 jam	

## SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN

Sukatan pelajaran yang lengkap bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2015 dicetak dalam buku-buku yang berasingan mengikut mata pelajaran seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Mata Pelajaran</b>	<b>Tahun Mula Digunakan*</b>
1.	Pengajian Am	2012
2.	Bahasa Melayu	2012
3.	Bahasa Cina	2012
4.	Bahasa Tamil	2012
5.	Bahasa Arab	2012
6.	Literature in English	2012
7.	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2012
8.	Syariah	2012
9.	Usuluddin	2012
10.	Sejarah	2012
11.	Geografi	2012
12.	Ekonomi	2012
13.	Pengajian Perniagaan	2012
14.	Perakaunan	2012
15.	Mathematics (M)	2012
16.	Mathematics (T)	2012
17.	Information and Communications Technology	2012
18.	Physics	2012
19.	Chemistry	2012
20.	Biology	2012
21.	Sains Sukan	2012
22.	Seni Visual	2012

---

\* Sukatan pelajaran ini digunakan bagi peperiksaan tahun berkenaan dan tahun-tahun seterusnya sehingga perubahan dimaklumkan. Sukatan pelajaran ini boleh dimuat turun daripada portal MPM.



Majlis Peperiksaan Malaysia  
Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor, Darul Ehsan  
[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)  
0361261600  
0361367329